

Meningkatkan Keupayaan Murid Dalam Interaksi Penulisan Menggunakan Google Slides

Wahindah Suhari

wahindah_suhari@schools.gov.sg

Nurhuda Mohamed

nurhuda_mohamed@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Beacon

Abstrak

Interaksi penulisan ialah sebuah kemahiran yang memerlukan murid bertukar-tukar idea, pendapat atau pandangan tentang sesuatu perkara dengan memberikan alasan yang sesuai. Pengkaji menerapkan rutin berfikir Melangkah ke Dalam untuk membolehkan murid memahami watak tertentu berdasarkan senario yang diberikan. Rutin berfikir ini dapat membantu murid melihat perkara, tempat, watak, situasi dan kejadian menerusi pandangan dan lensa yang berlainan. Kaedah ini menggalakkan murid menyelami watak dan memikirkan respon yang tepat bagi watak itu sampaikan mesej atau pesanan. Pembelajaran kolaboratif melalui penggunaan pelbagai platform *Webtool 2.0* melibatkan murid secara aktif dalam mengaplikasikan strategi ini. Pengkaji akan meneroka dua komponen yang melibatkan interaksi penulisan iaitu rangsangan grafik atau kefahaman subjektif.


Kata Kunci: interaksi penulisan, *Webtool 2.0*, pembelajaran kolaboratif



PENGENALAN

Pengguna Bahasa Melayu yang berkesan harus menguasai keenam-enam kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca, menulis, interaksi lisan dan interaksi penulisan. Penguasaan kemahiran-kemahiran ini membolehkan murid berkomunikasi dan berinteraksi dengan fasih, yakin, cekap dan berkesan.

Rajah 1: Model Kurikulum Bahasa Melayu



Kemahiran interaksi penulisan merupakan keupayaan murid melibatkan diri dalam komunikasi dua hala secara spontan dengan menggunakan bahasa penulisan sebagai perantara. Murid dapat memahami tujuan teks atau grafik yang pelbagai. Dengan menggunakan ciri-ciri yang sesuai dengan tujuan dan jenis grafik atau teks, murid harus dapat menggunakan kosa kata, ungkapan atau ayat yang mempunyai elemen interaksi yang sesuai mengikut konteks dan khalayak yang berbeza sambil menimbangkan kesannya kepada si penerima teks, pesanan atau mesej.

Oleh itu, pembelajaran berteraskan pendekatan rutin berfikir Melangkah ke Dalam berupaya meningkatkan kemahiran murid untuk berfikir dengan lebih mendalam (Swartz dan Parks, 1994). Rutin ini membantu murid melalui proses pemikiran yang lebih kritikal dan sistematik. Dengan melangkah ke dalam watak tertentu, murid diharapkan dapat mendalami watak tersebut lalu memberikan respons yang sesuai dan berkesan kepada si penerima teks.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian yang dijalankan didorong masalah yang dihadapi murid Darjah 5 dan Darjah 6 yang tidak dapat menjawab soalan interaksi penulisan dengan baik. Masalah ini berlaku kerana murid gagal mengecam isi yang dikehendaki dan memberikan respons yang menepati kehendak soalan. Murid tidak dapat berfikir melalui sudut pandangan yang berbeza berdasarkan watak yang diberikan. Lantas, mereka sukar memberikan respons yang ditulis dengan menggunakan kosa kata dan ekspresi Bahasa yang sesuai.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan kebolehan murid untuk menjawab soalan interaksi penulisan; dan
2. merangsang pemikiran murid untuk berfikir secara kritikal dan sistematik melalui pendekatan rutin berfikir Melangkah Ke Dalam.

KAJIAN LEPAS

Dapatan Ron Ritchhart dan David Perkins (2011) dalam kajian *Project Zero* mendapati penggunaan rutin berfikir menggalakkan murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Pengkaji MTV telah mencipta rutin berfikir ini sebagai alat untuk membina budaya berfikir bagi pembelajaran dalam bilik darjah. Guru dapat menilai, memahami pemikiran murid dan memudahkan guru untuk merancang pengajaran dengan lebih berkesan.

Apabila rutin berfikir menjadi sebahagian daripada pembelajaran, murid menjadi lebih peka dengan situasi yang memerlukan mereka untuk berfikir. Ini membina sikap positif terhadap pemikiran dan pembelajaran. Rutin berfikir membantu murid untuk mengaitkan sesuatu perkara yang pernah mereka lalui dengan perkara lain. Richhart et al. (2006) menyatakan bahawa hanya dengan amalan yang diulang-ulang akan menjadi sebahagian daripada rutin berfikir yang dapat menyokong pembangunan murid secara sendiri.



Dapatan kajian oleh Marcia F, Hildebrand & Helen S. Simpson (2009) mendapati penerapan rutin berfikir dalam kalangan murid di dalam Gred 4 dan Gred 5 memperlihatkan keberkesannya. Murid memperoleh markah yang lebih baik dalam ujian bagi subjek *Social Studies* setelah mendedahkan mereka kepada strategi rutin berfikir.

Oleh itu, kajian ini telah mengaplikasikan pelbagai jenis kaedah yang merangsang murid untuk berfikir secara kritikal dan sistematik melalui langkah-langkah yang telah disusun rapi. Rutin berfikir Melangkah ke Dalam merupakan langkah terakhir yang merumuskan segala pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid dalam interaksi penulisan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan kaedah Pengajaran Secara Eksplisit. Kaedah ini merujuk kepada kaedah pengajaran di mana guru berfungsi sebagai penyedia pengetahuan dengan membentangkan kemahiran dan konsep dengan cara yang jelas, sistematik serta pelibatan murid secara aktif. Kaedah inilah yang digunakan sebagai panduan ketika melakar rancangan pelajaran. Terdapat lima peringkat dalam kaedah ini iaitu pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup.

Amalan Pengajaran Singapura (STP) menjadi rujukan utama bagi kajian ini. Kajian ini mengambil kira empat Proses Pengajaran yang asas yang menjadikan pengajaran guru eksplisit dan mengamalkan refleksi pada semua tahap pembelajaran. Bagi kajian ini, dua proses pengajaran iaitu pelaksanaan pelajaran serta penilaian dan maklum balas telah diberi fokus bagi aspek pengajaran dan aktiviti mengajar.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 5 melebihi aras kebolehan, pada aras kebolehan dan praaras kebolehan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 44 orang murid. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan keupayaan murid dalam menjawab soalan interaksi penulisan



Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah rutin berfikir Melangkah ke Dalam (*Step Inside*), bagi ujian pertengahan dan akhir tahun. Selain itu, templat rutin berfikir Melangkah ke Dalam yang disediakan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) telah digunakan sebagai strategi utama dalam mencetus topik perbincangan dalam kalangan murid bagi pembelajaran kolaboratif melalui aplikasi *Nearpod*, *Google Docs* dan *Google Slides*. Templat-templat yang telah diubah suai guru dijadikan sumber rujukan semasa proses interaksi penulisan. Guru berupaya memerhati dan memantau sikap dan cara pembelajaran murid melalui kajian ini juga. Guru dan rakan-rakan dapat menilai hasil kerja murid atau rakan-rakan dengan melihat keberkesanan rutin berfikir Melangkah Ke Dalam.

Prosedur Kajian

Penerapan elemen STP dalam kajian ini bertujuan membantu guru menjadi lebih yakin dan reflektif dalam pengajaran interaksi penulisan yang lebih berkesan dengan meletakkan murid sebagai tumpuan dalam proses PdP. Keseronokan dalam proses pembelajaran setiap murid ini diharap dapat membantu mereka belajar dengan lebih berkesan.

Pada peringkat awal kajian ini, murid telah menduduki pelbagai jenis kertas latihan bertemakan rangsangan grafik. Pada peringkat ini, tiada pendedahan berkaitan strategi pengajaran yang bakal digunakan dalam kajian ini. Guru ingin mengenal pasti permasalahan yang dihadapi murid ketika menjawab soalan-soalan bagi komponen ini. Melalui latihan-latihan ini, didapati bahawa masalah utama yang dihadapi murid ialah mereka tidak:

- memahami soalan yang diberikan dalam kertas latihan;
- membuat sebarang anotasi pada grafik bagi menunjukkan pemahaman mereka tentang grafik tersebut;
- mempunyai pengetahuan kosa kata yang berkaitan dengan sesuatu tema atau grafik;
- berupaya mengenal pasti isi-isi penting dalam senario yang diberikan



bagi interaksi penulisan; dan

- berupaya memberikan ayat yang mempunyai elemen interaksi yang diperlukan oleh soalan.

Langkah 1

Murid diperkenalkan kepada pelbagai jenis rangsangan grafik dan diajarkan untuk mengenal pasti informasi penting dalam grafik melalui teknik anotasi seperti berikut:

- Jenis grafik (peraduan / brosur percutian / jualan murah)
- Tajuk grafik
- Tujuan grafik
- Kos kata berkaitan jenis grafik:
 - Pertandingan
 - Acara
 - Kempen
 - Bengkel / kursus
 - Iklan

Rajah 2: Hasil Kerja Murid Membuat Anotasi Pada Rangsangan Grafik untuk Darjah 5 (Dimuat naik ke Nearpod)

Kefahaman 2: Rangsangan Grafik (10 markah)
Arahan: Telli poster yang berikut.

Pesta Masyarakat
sempena
MINGGU PELANCONGAN SINGAPURA 2017

31 Disember 2017
10 pagi - 12.30 pagi
Stadium Negara

Ditaja Oleh:
Kementerian Pelancongan Singapura

PROGRAM	PERSEKUTUAN	MASA
Pertandingan Permainan Tradisional	Dewan/Tempat	1 petang hingga 9 malam
Pertandingan Peringatan Singapura	Dewan	10 pagi hingga 7 malam
Pertandingan Kemahiran dan Permainan Bergam Khas Khas	Kemah/kamp	1 petang hingga 5 petang
Konvensi Tahun Baharu	Semua	10 malam hingga 12.30 pagi

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Setiausaha Program Minggu Pelancongan Singapura 2017 di talian 6785326 atau memalui e-mel PMSP2017@stn.gov.sg
Talian untuk mengubung Puan Sooki (perwakilan program) 6469131 / 91706329
Laman rasmi: www.MP2017.com.sg

Kefahaman 2: Rangsangan Grafik (10 Markah)
Arahan: Telli poster yang berikut.

Dengan kerjasama Perhimpunan Pengguna Air Singapura, Semakan Nisbah Pengguna Air Singapura, 2017.

Program Pengguna Bijak Air

Tahukah anda apakah air di rumah anda semasa bersejarah? Bagi menggalakkan tabiat penjimatan air di rumah anda, kami menawarkan pelbagai kegiatan menarik yang boleh anda ikuti sepanjang minggu ini!

Persembahan Perhimpunan "Masa Untuk Berjimat"
Pilihan Cemerlang dan Hebat untuk semua warga anak, keluarga, orang tua-tua, dan kakitangan perkhidmatan air di Puncak Negeri, Medan.

- Pelajar mencari rangsangan dan mengumpul rangsangan air
- Bertemu dengan ahli keluarga tentang cara-cara penjimatan air

Kuti pemerhatian ini dan anda boleh memuat turun.

1 Latihan Pemeriksaan Air
Pilihlah lima orang sukarelawan untuk memeriksa air di rumah anda. Lakukan pemeriksaan air di rumah anda dan bawalah bagi. Langkah seterusnya adalah membuat laporan.

2 Set Permainan Air
Permainan ini sesuai bagi murid-murid darjah 1 hingga 12 tahun untuk mengumpul tabiat penjimatan air. Sila dapatkan maklumat lanjut yang berkaitan dengan permainan ini.

3 Poster Penjimatan Air
Masa dan waktunya poster tentang Cara-Cara Menjimatkan Air. Tempel poster-poster anda di rumah anda dan dapatkan maklumat lanjut yang berkaitan dengan permainan ini.

4 Muat turun poster-poster ini melalui laman web ini: www.pjg.gov.sg

Calla jubah kalian adalah luar. Para peserta yang mempunyai maklumat mengenai akan menggunakan ini. Projek ini akan membantu anda memahami lebih lanjut mengenai air.

Anda, tolong datang bersama-sama sebelum akhir pelaksanaan!

Maklumat dengan ini sila kemudiannya boleh memuat turun poster ini.




Langkah 2

Murid harus membaca senario yang diberikan dengan teliti lalu mengenal pasti frasa-frasa kunci bagi membantu murid fokus kepada perkara yang dikehendaki dari soalan.

Perkara utama:

- Daripada siapa? Watak - Penulis nota / pesanan
- Kepada siapa? Penerima nota / pesanan
- **2P?** (Perkara-Perkara yang diminta) - 2 Isi (bukti / cara / syarat / perkara dsb)
- **EI** - Elemen interaksi (Ayat Interaksi Penulisan yang harus ada dalam soalan ini)

Rajah 3: Hasil Kerja Pelajar Bagi Membuat Anotasi Pada Senario Soalan Interaksi Penulisan



Rajah 5: Penggunaan Quizlet Bagi Latihan Pemadanan Elemen Interaksi Dan Ayat-Ayat Interaksi Penulisan




Langkah 5 (Pembelajaran secara kolaboratif)

Strategi Rutin Berfikir: Melangkah ke Dalam Watak diperkenalkan kepada murid. Murid dikehendaki untuk:

- meletakkan diri ke dalam watak tertentu bagi melihat soalan tersebut dari perspektif watak tersebut; dan
- melalui proses pemikiran yang lebih mendalam bagi memahami sesuatu watak atau isu dan melibatkan diri mereka secara aktif.

Rajah 6: Penggunaan *Google Slide* Bagi Pengajaran Rutin Melangkah Ke Dalam



Rajah 7: Contoh Jawapan Sebuah Kumpulan Secara Kolaboratif Melalui Google Slide Bagi Pembelajaran Rutin “Melangkah ke Dalam”

Siti, kamu harus menutup tingkap sebelum keluar rumah bagi mengelak sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku. **1** Ibu pernah melihat adik kecil kamu menolak kerusi ke tepi tingkap. **2** Kita harus tutup tingkap kerana tempias air boleh memasuki ke dalam bilik kamu. **3** Jangan lupa perkara-perkara ini agar keselamatan ahli keluarga terjaga.

Bayangkan

Kamu adalah ibu Siti.

Apakah pesanan yang akan dihantar kepada Siti?

Bahagikan tugas.

Murid A - menaip **sebab pertama** Siti harus menutup tingkap **1**

Murid B - menaip **sebab kedua** Siti harus menutup tingkap **2**

Murid C - menaip **elemen interaksi** penulisan yang sesuai **3**

Murid D - menyemak seluruh jawapan rakan-rakan kumpulan kamu dan meletakkan simbol-simbol **1** **2** **3**) ini di tempat yang betul di mesej tersebut

Tugasan Berkumpulan -

Senario

Siti telah keluar rumah untuk ke sekolah pada pagi itu. Ibunya memasuki bilik Siti untuk menolungnya mengemas bilik. Alangkah terperanjatnya ibu apabila mendapati tingkap bilik Siti terbuka luas!

Ibu Siti pernah terlihat anak kecilnya menolak kerusi ke tepi tingkap. Bukan itu sahaja, jika hujan turun, tempias akan memasuki bilik Siti. Ibu Siti mahu mengingatkan Siti tentang perkara yang patut Siti lakukan sebelum keluar.

Ibu segera menaip pesanan ringkas kepada Siti.

Langkah 6 (Pembelajaran secara kolaboratif)

Murid bekerjasama dalam kumpulan untuk:

- melangkah ke dalam watak yang diberikan dalam senario;
- mengecam 2 isi yang diminta dalam senario di soalan interaksi penulisan;
- mengenal pasti elemen interaksi yang sesuai berdasarkan senario;
- mengisi *Google Doc* melalui *Google Classroom*:
 - Menaip ayat yang mengandungi elemen interaksi kepada penerima mesej
 - Kumpulan lain akan menyemak ayat tersebut atau memberi maklum balas
 - Guru akan semak bersama selepas itu
 - Menaip pesanan penuh - 2 isi dan ayat interaksi (yang telah diedit setelah maklum balas rakan dan guru)



Rajah 8: Jawapan Sebuah Kumpulan Secara Kolaboratif & Maklum Balas Kumpulan Lain Melalui Google Slide Bagi Sambungan Pembelajaran Rutin Berfikir “Melangkah Ke Dalam”

Watak : Seorang anak

Senario A

Kamu berpendapat bahawa menjadi ahli Taman Haiwan Sutera amat menguntungkan. (Yakinkan ibu kamu) **untuk menjadi ahli Taman Haiwan Sutera** dengan memberitahunya dua faedah yang dapat diraih.

Apakah kata-kata yang akan kamu hantar kepada ibu untuk meyakinkan beliau?

Maklum Balas Kumpulan Lain

Nama Anggota Kumpulan Lain: **Qistina, Najeha, Insyira**

Komen Kumpulan kami tentang respon di atas . .


Syabas! Kami boleh memahami ayat kumpulan kamu!

Taipkan pesanan lengkap kumpulan kamu di bawah ini : (2 isi + elemen interaksi)

Kamu berpendapat bahawa menjadi ahli Taman Haiwan Sutera amat menguntungkan. Yakinkan ibu kamu **untuk menjadi ahli Taman Haiwan Sutera** dengan memberitahunya dua faedah yang dapat diraih.


Taipkan ayat yang mempunyai elemen meyakinkan ibu kamu berdasarkan soalan ini.

Ibu, jika kita menjadi ahli Taman Haiwan Sutera, kita boleh meraikan faedah-faedah yang menguntungkan ini.



Taipkan pesanan lengkap kumpulan kamu di bawah ini : (2 isi + elemen interaksi)

Ibu terdapat tawaran istimewa jika kita menjadi ahli Taman Haiwan Sutera sekarang. Kita boleh memasuki taman ini secara percuma tanpa had. Kita juga akan mendapat majalah bulanan percuma. Dengan menjadi ahli Taman Haiwan Sutera, kita boleh meraikan faedah-faedah yang menguntungkan ini.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian data kuantitatif menunjukkan peningkatan yang ketara dalam keputusan yang diperoleh murid setelah menjalani intervensi bagi memperbaiki cara menjawab soalan interaksi penulisan pada akhir kajian ini.


Dapatan kajian menunjukkan peningkatan peratusan murid sebanyak 29.2% yang memperoleh markah (3.5 – 4) bagi soalan interaksi penulisan pada



peperiksaan akhir tahun (SA2). Pada akhir tahun pula, peratusan murid yang memperoleh markah (2 - 3) dan (0 - 1.5) merosot sejajar dengan peningkatan tersebut.

Perbandingan dua kertas ini diambil kira kerana kajian ini masih di peringkat awal semasa murid menduduki kertas pertengahan tahun (SA1). Manakala, murid menduduki kertas akhir tahun (SA2) selepas kesemua langkah dalam kajian ini telah dijalankan.

Rajah 9: Pencapaian Murid Mengikut Peratusan



KESIMPULAN

Rutin berfikir Melangkah Ke Dalam adalah faktor penentuan akan keberkesanan kajian ini dengan gabungan penggunaan aplikasi *Webtool 2.0* yang menyokong pembelajaran kolaboratif. Murid lebih memahami apa yang diperlukan dan bagaimana hendak menyampaikan respons yang tepat bagi sebarang senario soalan interaksi penulisan. Murid dapat bekerjasama dan memberikan sokongan kepada ahli kumpulan dan kumpulan lain juga. Proses pembelajaran yang seronok dan positif ini membuat mereka memahami kesilapan mereka kerana hasil perbincangan mereka boleh diakses pada bila-bila masa dalam talian. Penerapan elemen STP membuat kajian ini lebih sistematik dan berpandu.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Wan Alfida Suleiman

2. Zuraidah Saidin
3. Liyana Saad

RUJUKAN

Marcia F. Hildebrand & Helen S. Simpson Holland Public Schools. *Special Education*, 23, 4.

Ritchhart, R., & Perkins, D. N. (2011). *Making Thinking Visible*. San Francisco: Jossey-Bass.

Ritchhart, R., Palmer P., Church, M., & Tishman, S. (2006). Thinking routines: Establishing patterns of thinking in the classroom. (Paper prepared for AERA Conference, 2006).

Swartz, R. and Parks, D. (1994) *Infusing the Teaching of Critical and Creative Thinking in Elementary Instruction*. Pacific Grove, CA: Critical Thinking Press.

